



SHARIKAT PERMODALAN KEBANGSAAN BERHAD

(No. Pendaftaran: 196101000067(4115-H))
(Diperbadankan di Malaysia)

BUTIR-BUTIR PENTADBIRAN BAGI MESYUARAT AGUNG TAHUNAN YANG KE-61

Tarikh Mesyuarat : Khamis, 26 Mei 2022
Masa : 11.00 pagi
Platform Mesyuarat : www.swsb.com.my
Tempat Penyiaran : No. 2-1 Jalan Sri Hartamas 8
Sri Hartamas
50480 Kuala Lumpur

TIDAK ADA BUNGKUSAN MAKANAN DAN HADIAH CENDERAHATI

Tiada PENGAGIHAN bungkusan makanan atau hadiah cenderahati semasa Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-61 memandangkan mesyuarat akan diadakan secara "virtual" sepenuhnya.

CARA MESYUARAT

Memandangkan wabak COVID-19 dan sebagai sebahagian daripada langkah-langkah keselamatan, Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-61 akan dilakukan keseluruhannya melalui siaran langsung daripada Tempat Penyiaran.

Dengan itu, **Pemegang Saham/Proksi (yang semestinya ahli syarikat) tidak akan dibenarkan untuk hadir secara fizikal di Tempat Penyiaran pada hari Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-61.**

KEMUDAHAN PENYERTAAN DAN PENGUNDIAN JARAK JAUH ("RPV")

1. Sila ambil maklum bahawa kemudahan penyertaan dan pengundian jarak jauh ("RPV") ("Kemudahan RPV") adalah tersedia kepada :
 - (i) **Pemegang-pemegang saham individu;**
 - (ii) **Pemegang-pemegang proksi (yang semestinya ahli syarikat); dan**
 - (iii) **Pemegang-pemegang Saham Korporat.**

(selepas ini dikenali sebagai "Pemegang-pemegang Saham")
2. Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-61 akan diadakan melalui siaran langsung dan pengundian jarak jauh ("RPV") dalam talian. Pemegang-pemegang Saham adalah digalakkan untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-61 dengan menggunakan Kemudahan RPV.
3. Pemegang-pemegang Saham yang tidak dapat turut serta dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-61 adalah digalakkan untuk melantik Pengerusi Mesyuarat untuk mengundi bagi pihak anda pada Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-61 dengan mengisi dan menunjukkan arahan mengundi dalam borang proksi.
4. Proksi-proksi atau wakil-wakil Korporat yang ingin mengguna Kemudahan RPV pada Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-61, sila pastikan borang proksi yang disempurnakan sewajarnya atau sijil pelantikan asal wakil korporatnya hendaklah diserahkan ke pejabat berdaftar di Tingkat 11, Menara Perak, No. 24, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur tidak lewat daripada 24 Mei 2022 pada jam 11.00 pagi.

5. Pemegang-pemegang Saham perlu membaca dan mengikuti prosedur bagi Kemudahan RPV sebagaimana diringkaskan di bawah:-

	Prosedur	Tindakan
Sebelum hari Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-61		
(i)	Daftar sebagai pengguna	<ul style="list-style-type: none"> • Jika anda telah mendaftar akaun di laman web, anda tidak perlu mendaftar semula. • Akses laman web www.swsb.com.my • Klik <<Login>> dan klik <<Register>> untuk menjadi pengguna. • Pendaftaran akan dibuka dari 11.00 a.m. pada 30 April 2022 sehingga 11.00 a.m. pada 25 Mei 2022. • Isi borang pendaftaran dan muat naik sesalinan MyKAD (bahagian depan dan belakang) atau Pasport. • Baca dan bersetuju dengan terma-terma dan syarat-syarat dan selepas itu serahkan permintaan anda. • Sila masukkan alamat emel yang sah dan sahkan ID pengguna anda dalam masa satu (1) jam. • Selepas pendaftaran anda ditentukan dan diluluskan, pemberitahuan emel akan dihantar kepada anda. • Selepas pengesahan pendaftaran anda terhadap Rekod Daftar Pemegang-pemegang Saham Syarikat pada 18 Mei 2022, anda akan menerima satu e-mel daripada ShareWorks Sdn. Bhd. memaklumkan pendaftaran anda diluluskan atau ditolak. • Sekiranya pendaftaran anda ditolak, sila hubungi ShareWorks Sdn. Bhd. untuk mendapatkan penjelasan atau membuat rayuan.
Pada hari Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-61		
(ii)	Login masuk www.swsb.com.my	<ul style="list-style-type: none"> • Log masuk ID pengguna dan kata laluan anda bagi penyertaan jarak jauh ("RPV") pada Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-61 pada bila-bila masa mulai jam 10.30 pagi iaitu 30 minit sebelum bermulanya Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-61 pada 26 Mei 2022 pada jam 11.00 pagi.
(iii)	Turut serta melalui Siaran Langsung	<ul style="list-style-type: none"> • Pilih "Virtual Meeting" daripada menu utama. • Klik "Join Meeting" terletak sebelah acara. • Sila klik pautan video dan masukkan kata laluan yang diberi kepada anda dalam pemberitahuan emel untuk turut serta siaran langsung video. • Sekiranya anda mempunyai pertanyaan mengenai resolusi-resolusi yang akan dibentangkan pada Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-61 serta prestasi/prospek kewangan Syarikat, anda dinasihatkan supaya menggunakan platform soal jawab yang ada dalam Kemudahan RPV. Pengerusi Mesyuarat dan Lembaga Pengarah akan berusaha untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Pemegang-pemegang Saham. • Ambil perhatian bahawa kualiti penyiaran langsung adalah bergantung pada lebar jalur dan kestabilan sambungan internet pada lokasi peserta-peserta jarak jauh ("RPV").
(iv)	Pengundian jarak jauh ("RPV") dalam talian	<ul style="list-style-type: none"> • Pilih "Voting" yang terletak bersebelahan "Join Meeting" dan tunjukkan undi anda bagi resolusi yang dibentangkan bagi pengundian. • Sesi mengundi akan bermula sebaik sahaja Pengerusi Mesyuarat mengisytiharkan bahawa platform mengundi diaktifkan dan akan mengumumkan penyelesaian sesi mengundi Mesyuarat Agung Tahunan. • Nyatakan undi anda ke atas semua resolusi sebagaimana kelihatan pada skrin dan kemukakan undi anda. Sebaik sahaja dikemukakan, undi anda adalah muktamad dan tidak boleh diubah.
(v)	Tamat Kemudahan jarak jauh ("RPV")	<ul style="list-style-type: none"> • Kemudahan jarak jauh ("RPV") akan tamat dan tettingkap Pemesejan akan dilumpuhkan sebaik sahaja Pengerusi Mesyuarat mengumumkan penutupan Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-61.

REKOD DAFTAR PEMEGANG SAHAM MESYUARAT AGUNG

- Bagi tujuan menentukan ahli yang berhak untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-61, hanya Pemegang-pemegang Saham yang terdaftar dalam Rekod Daftar Ahli-ahli pada 18 Mei 2022 adalah berhak untuk menghadiri mesyuarat tersebut dari jarak jauh ("RPV") atau melantik proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihak beliau.

PROKSI

- Memandangkan Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-61 dilakukan secara mesyuarat "virtual", pemegang-pemegang Saham boleh melantik Pengerusi Mesyuarat sebagai proksi untuk mengundi bagi pihak anda pada Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-61 dengan mengisi dan menunjukkan arahan pengundian di dalam borang proksi.
- Borang Proksi mesti diserahkan ke pejabat berdaftar di Tingkat 11, Menara Perak, No. 24, Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur selewat-lewatnya 24 Mei 2022 pada jam 11.00 pagi, tidak kurang daripada empat puluh lapan (48) jam sebelum masa ditetapkan bagi mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-61 atau mana-mana penangguhannya

PROSEDUR MENGUNDI

Kesemua resolusi yang dinyatakan dalam Notis Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-61 Syarikat akan dikemukakan untuk diundi melalui cara pol. Syarikat telah melantik ShareWorks Sdn. Bhd. sebagai Pentadbir Pol untuk melakukan undian pol melalui cara elektronik. Pemegang-pemegang saham boleh meneruskan untuk mengundi ke atas resolusi sebelum berakhir sesi pengundian yang akan diumumkan oleh Pengerusi Mesyuarat. Sila rujuk kepada perkara (iv) seksyen Prosedur di atas bagi panduan mengenai bagaimana untuk mengundi secara jarak jauh ("RPV") daripada laman web Pendaftar Saham di www.swsb.com.my. Pentadbir Pol akan mengesahkan keputusan undian secara pol. Keputusan pengundian secara pol akan dipaparkan dan selanjutnya Pengerusi Mesyuarat akan mengumumkan keputusan undian secara pol sama ada resolusi diluluskan sewajarnya.

KEPUTUSAN PENGUNDIAN

Keputusan pengundian bagi kesemua resolusi akan diumumkan pada Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-61.

LAPORAN TAHUNAN 2021

Salinan bercetak Laporan Tahunan 2021 telah diedarkan kepada pemegang-pemegang saham pada 29 April 2022.

PERAKAMAN ATAU FOTOGRAFI

Perakaman atau fotografi **TANPA** kebenaran mengenai prosiding Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-61 adalah sama sekali tidak dibenarkan.

PERTANYAAN

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan sebelum mesyuarat "virtual", sila hubungi En Wee Liam atau En Kou Pendaftar Saham kami semasa waktu pejabat dari 9.00 pagi hingga 5.00 petang pada Isnin hingga Jumaat:

ShareWorks Sdn. Bhd.

2-1 Jalan Sri Hartamas 8
Sri Hartamas
50480 Kuala Lumpur

Nombor Telefon : 03-6201 1120
Nombor Faks : 03-6201 3121
Emel : ir@shareworks.com.my